KATA KERJA AKTIF TRANSITIF

1. Kata kerja digunakan untuk menunjukkan perbuatan atau kelakuan yang dilakukan oleh manusia atau haiwan.
2. Kata kerja aktif transitif ialah kata kerja yang memerlukan objek selepasnya

Contoh

Kata Kerja Aktif Transitif	Objek
menjawab	soalan
menjalankan	tugas
menulis	cerpen
menghadiri	majlis
memperbesar	rumah
makan	nasi
menyepak	bola
memperlingkatkan	pencapaian

1. Jia Chen akan menghadiri majlis itu.
2. Nurhidayah telah menjawab soalan itu.
3. Wanita yang sedang makan nasi itu ibu saya.
4. Pegawai yang sedang menjalankan tugas tersebut dari Johor.
5. Aktiviti menulis cerpen ialah hobinya pada masa lapang.
6. Kontraktor yang memperbesar rumah kami akan ke sana esok.
7. Usaha untuk mempertingkatkan pencapaian murid dalam UPSR itu sangat baik.

Nama : _____

Latihan Kata Kerja Aktif Transitif

Pilih kata kerja yang sesuai. Isi tempat kosong.

menanak menanam menyiram menjemur menyimpan

1. Anuar _____ pokok bunga.

2. Puan Leela _____ nasi.

3. Encik Lim _____ sayur.

4. Fatiha _____ buku di rak buku.

5. Ibu sedang _____ baju.

LIVEWORKSHEETS